



KERAJAAN MALAYSIA

**KENYATAAN SEBUTHARGA NO. JP/SP/PPA-DC(PM)/KDT/KP1MP/03/2021**

Tawaran adalah dipelawa daripada kontraktor yang mempunyai Sijil Pendaftaran dengan Pusat Kontraktor Negeri Sabah (PUKONSA) atau Pusat Khidmat Kontraktor (PKK) atau Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) dalam mana-mana Kelas, Kepala, Sub-Kepala, Gred Kategori dan pengkhususan yang berkaitan seperti berikut dan masih dibenarkan membuat tawaran bagi kerja-kerja berikut:

Tajuk	Syarat Pendaftaran, Gred, Kategori & Pengkhususan	Tempat & Tarikh Dokumen Sebutharga Diperolehi
<b>SEBUTHARGA UNTUK KERJA-KERJA RESTORASI HUTAN SIMPAN BAKAU (KELAS V), KG. MARIMBAU LAUT, KUDAT (TAWARAN KALI KE-2)</b>	<b>PUKONSA Kelas F Tajuk VI, Tajuk Kecil 2, 3 &amp; 5 dan mempunyai CIDB dalam Gred GI Kategori CE – Pengkhususan CE14</b>  <b><u>ATAU</u></b> <b>CIDB dan mempunyai SPKK dalam Gred G1 Kategori CE – Pengkhususan CE14</b>	<b>1). Bahagian Pembangunan Dan Perkhidmatan Am, Ibu Pejabat Perhutanan Sabah, Sandakan</b>  <b>2). Pejabat Pegawai Perhutanan Wilayah (PPW) Kudat, D/A Pejabat Perhutanan Daerah Kota Marudu,</b>  <b>3). Pejabat Perhutanan Daerah Kudat</b>

Dokumen Meja Tawaran boleh diperiksa dan diperolehi mulai **19.07.2021 hingga 26.07.2021** pada waktu pejabat. Bayaran dokumen tawaran ialah RM50.00 senaskah. Bayaran dokumen tawaran hanya boleh dibuat melalui Bank Draft atau Resit Tunai yang dikeluarkan oleh Bahagian Belanjawan Dan Kewangan Jabatan Perhutanan Sabah. Bayaran tidak akan dikembalikan. Dokumen tawaran hanya akan dikeluarkan kepada wakil-wakil kontraktor yang sah sahaja. Untuk maksud ini, **kontraktor hendaklah membawa Sijil PENDAFTARAN ASAL yang dikeluarkan oleh pihak Pusat Kontraktor Negeri Sabah (PUKONSA) atau Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK)/CIDB manakala atau wakil-wakil kontraktor dikehendaki mengemukakan "Surat Tauliah" dan Sijil Pendaftaran ASAL yang menunjukkan bahawa mereka diberi kuasa untuk mengambil dokumen bagi pihak syarikat.** Sebutharga yang lengkap diisi hendaklah dihantar dan dimasukkan ke peti tawaran sebutharga, Bahagian Pembangunan Dan Perkhidmatan Am, Jabatan Perhutanan Sabah, Ibu Pejabat Jabatan Perhutanan Sabah KM11, Jalan Utara Sandakan pada atau sebelum jam **1200 tengahari, 26.07.2021 (Isnin).**

**KETUA KONSERVATOR HUTAN**